

# MELIHAT AMERIKA DARI JAUH

\*\*\*Bangsa-bangsa Bersatu\*\*\*

V

(Oleh Ahmad Hussin)

Semenjak zaman purba kala kaum-kaum manusia telah berperang antara satu dengan lain. Kelakuan dan tabiat manusia suka lawan berperang ini telah dipandang dengan hati dan akal yang sedih oleh ahli-ahli filsuf dan orang-orang yang berhati yang suka keamanan. Setengah daripada ahli-ahli fikiran ini. Selepas mendapat beberapa banyak pengalaman, dan selepas mereka memikirkan beberapa lamanya akan kelakuan dan tabiat manusia, telah terpaksa mengambil keputusan bahawa tabiat suka berperang itu ialah sifat manusia, dan melakukan peperangan ialah satu daripada pekerjaan manusia yang mustahak dalam kehidupan mereka atas bumi ini. Setengah daripada mereka itu terdorong berfikir bahawa manusia itu ada mempunyai sifat jahat, dan perasaan tamak dan haloba, serta cita-cita suka hendak memegang kuasa ialah sifat-sifat yang menjadi daging darah manusia; oleh kerana itu manusia sentiasa akan berperang sehingga dunia kiamat, dan dunia tiada akan merasai kewanan. Dari permulaan sejarah telah menjadi satu perkara yang adat bagi manusia dari satu puak menyerang satu puak atau puak-puak yang lain. Mereka telah menempakan pemerintahan mereka ke atas puak yang kalah, dan pada zaman purbakala mereka mengambil orang-orang tawanan lalu menjual sebagai abdi. Semenjak zaman dahulu manusia telah membaiki alam dan alat-alat peperangan. Dahulu manusia menggunakan panah atau pedang; sekarang mereka menggunakan

bom-bom tenaga atau yang berkuasa menghapuskan dengan sekelip mata berpuluh ribu jiwa manusia. Tidak dapat dinafikan bahawa kaum manusia sekarang ini, dalam kurun yang kedua puluh, adalah mempunyai peluang yang besar bagi menghapuskan wujud merka dalam alam. Dan cita, serta ketinggian manusia akan hilang dan lenyap seperti asap dalam udara.

Dalam setengah kurun yang lalu dunia telah menyaksikan dua peperangan yang besar. Kita sendiri telah tercebur dalam, peperangan yang kedua, dan dapat menyaksikan bagaimana dasyat dan ganasnya peperangan itu. Kelakuan setengah manusia kepada manusia yang telah menguraikan hati. Dan kebuasannya telah menakjubkan kita bahawa kelakuan yang seperti itu berlaku dalam zaman yang dikatakan zaman tamadun lagi modern. Apa yang dibuat oleh kebanyakan manusia dalam masa kacau bilau dan haru biru menzahirkan dengan sekuyang-sekuyangnya dan dengan terangnya bahawa kehidupan tamadun itu sebenarnya terlalu cantik, dan antara sebahagian besar kaum manusia rukun-rukun tamadun dan fikiran-fikiran tamadun tidak berakar dalam hati dan jiwa.


Orang-orang yang waras lagi bijaksana dari zaman ke zaman telah menyeru manusia supaya mereka hidup sebagai saudara pengikut-pengikut mereka dan orang-orang lain pun juga telah membuat seruan yang seperti itu. Akan tetapi manusia masih juga bermusuhan-musuhan. Begitupun ada juga antara kaum manusia yang menaruh harapan dan percaya bahawa manusia itu pada hakikatnya mempunyai sifat yang baik, dan jika pergerakan-pergerakan yang betul diambil kerana melenyapkan

sifat-sifat yang tak baik maka manusia umumnya akan meningkat kepada taraf kesentosaan dan kebahagiaan.

Kebuasan dan kemalangan yang dahsyat yang telah terjadi kepada manusia dalam perang besar telah menerbitkan kesedaran yang kuat dalam hati orang-orang yang berfikiran di seluruh dunia bahawa pada masa hadapan bukan sahaja manusia akan ditimpa oleh kemalangan-kemalangan yang tak dapat diperiyakan akan tetapi juga mereka harus akan luput dari dunia sekiranya

satu lagi perang besar terjadi dengan demikian lepas perang besar sudah bangsa-bangsa dunia telah berpakat mengadakan satu pertubuhan internasional yang mempunyai tujuan hendak menahan peperangan daripada terbit. Tujuan ini diterangkan dalam kata-kata permulaan piagam Bangsa-bangsa Bersatu (di Chater of The United Nation) seperti berikut: “Kami, orang-orang Bangsa-bangsa Bersatu berazam hendak menyelamatkan anak cucu kami daripada penderitaan peperangan, yang telah menimpakan, dua kali dalam hayat manusia, dan kamu hendak menegaskan semula kepercayaan kamu kepada hak-hak manusia yang wajib, kepada kehormatan dan kebaikan seorang manusia, kepada hak-hak yang sama antara lelaki dan perempuan dan antara bangsa-bangsa besar dan kecil.....

Pembaca-pembaca sekalian sedia maklum bahawa ibu pejabat Bangsa-bangsa Bersatu itu sekarang letaknya di New York. Kerana tujuannya ialah berkhidmat bagi seluruh dunia jadi ibu pejabat ini menjadi majlis dan tempat perhimpunan sekalian bangsa, dan tumpuan harapan sekalian orang yang cintakan keamanan. Tiap-tiap hari beribu-ribu orang melawat bangunan-bangunan Bangsa-bangsa Bersatu bukan kerana mereka hendak melihat



*Dewan Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu dalam bangunan General Assembly di New York.*

\*\*\*

bagaimana keadaannya, akan tetapi juga kerana mereka hendak melihat bagaimana keadaannya, akan tetapi juga kerana mereka hendak mengambil kesan akan suasana yang ada dalam ibu pejabat yang mewakili cita-cita baik manusia.

Bangunan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengandungi jabatan sekreteriat, bangunan perhimpunan agung (General Assembly), bangunan mesyuarat, dan bangunan kutubkhanah, adalah letaknya dekat sungai yang bernama Ice River, dan sekalian kawasan itu luasnya lapan belas ekar. Sekalian bangsa-bangsa yang menjadi anggota memberi bahagian masing-masing kerana berdiri dan menghiaskan bangunan-bangunan yang tersebut. Perkas-perkas yang mustahak dan barang-barang perhiasan diberi oleh anggota-anggota seperti Sweden, Denmark, Belgium, Perancis, dan lain-lain.

Seperti yang diketahui dalam bangunan-bangunan itu ada beberapa majlis, misalnya majlis perhimpunan agung, majlis keselamatan, majlis iktisad dan sosial, majlis amanah dan ada sebuah bilik yang kecil yang diberi nama “*Meditation Room*” iaitu tempat berfikir.

Lain daripada itu dalam bangunan perhimpunan agung

ada dijual buku-buku berkenaan dengan perkhidmatan Bangsa-bangsa Bersatu, dan barang pertukangan dari beberapa negeri yang menjadi anggota.

Jadi di ibu pejabat Bangsa-bangsa Bersatu itu masalah-masalah dunia dibicarakan dan dibahaskan, jika boleh diselesaikan, dalam perhimpunan agung, dalam majlis-majlis; dan iaitulah pusat sekalian pekerjaan yang dijalankan oleh cawangan-cawangan seluruh dunia.

Kita sangat-sangat menaruh harapan bahawa ikhtiar-ikhtiar yang ikhlasnya yang dibuat oleh bangsa-bangsa dunia, sebagai yang diwakilkan oleh pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, akan dapat mencapai cita-cita mendirikan keamanan yang berkekalan dan mengadakan kesentumaan bagi sekalian makhluk.

### **Muzium Of The City Of New York**

Bandar New York mempunyai sebuah sekolah gambar yang menyimpan sekalian kisah berkenaan dengan sejarahnya. Jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah gambar lain dalam Bandar New York, seperti The Metropolitan Muzium of Art, dan sekolah gambar The Muzium of The City of New York itu ialah kecil sekali. Ini memang sahaja, oleh kerana kedua buah muzium yang terbesar yang disebutkan itu adalah menyimpan pertukangan dan barang-barang seni, serta benda-benda dari seluruh dunia, bahkan dari beberapa zaman semenjak zaman purba kala.

Pengembara-pengembara yang suka hendak mengetahui bagaimana bandar ini telah maju menjadi besar akan dapat mengetahui halnya dengan cukup dalam beberapa banyak buku dan makalah-makalah yang telah ditulis oleh orang-orang yang ahli, dan oleh pengarang-pengarang



*'UN' bangunan sekreteriat Bangsa-bangsa Bersatu, letaknya di Tebing sungai Timur, New York.*

*Pemandangan waktu malam.*

yang telah berdiam di dalamnya dan yang cinta kepadanya. Kemajuan bandar New York, sebagaimana kemajuan bandar-bandar lain dalam Amerika, tidaklah asing daripada kemajuan negeri Amerika Syarikat sendiri. Menurut ukuran tawarikh manusia kemajuan New York itu ialah satu kemajuan yang pantas. Bandar-bandar besar seperti Kaherah, Rom, Athens, dan lain-lain bandar di negeri India dan Cina telah pun maju dengan subur beberapa kurun lamanya sebelum Columbus melihat tanah Amerika.

New York ialah sebuah bandar yang sentiasa berhubung dengan lautan, dan perniagaan laut telah mengambil bahagian yang besar kerana memajukan bandar ini. Hal ini telah diterangkan oleh beberapa lukisan dan surat-surat yang disimpan dalam sekolah gambar tersebut. Sungai Hudson mendapat namanya daripada Harry Hudson. Seorang kakitangan Syarikat Hindia Timur Belanda yang telah belayar naik sungai itu dalam tahun 1609.

Lima tahun kemudiannya orang-orang Belanda telah membuat sebuah kampung di tempat yang sekarang ini bernama New York. Dari sebuah kampung New York telah maju menjadi sebuah daripada bandar-bandar yang terbesar dalam dunia.